

Sultan Selangor: Guna langkah strategik tangani murtad
The Malaysian Insider
09 Disember, 2011

TANJONG KARANG, 9 Dis — Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah supaya pihak-pihak yang bertanggungjawab terutamanya Majlis Agama Islam Selangor (Mais) dan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) mengambil langkah-langkah strategik bagi menangani gerakan memurtadkan orang-orang Islam.

"Beta dimaklumkan bahawa kegiatan memurtadkan umat Islam ini berlaku secara sembunyi-sembunyi dan pihak-pihak yang terbabit begitu bijak menyembunyikan bukti-bukti yang jelas," titah baginda ketika merasmikan Masjid Kampung Sungai Gulang-Gulang di sini.

Jais hendaklah sentiasa berusaha memberikan penerangan dan juga kaunseling kepada mereka yang dikenal pasti terlibat dalam aktiviti ini, titah baginda.

"Beta juga berkenan menyarankan pihak Jais agar sentiasa bertindak dengan cara dan pendekatan yang berhemah supaya umat Islam yang mula menjauhkan diri daripada ajaran Islam akan tertarik semula untuk kembali ke pangkal jalan dan bertaubat," titah baginda.

Sultan Selangor bertitah wujudnya gejala murtad di kalangan umat Islam adalah satu perkara yang begitu membimbangkan selain daripada ajaran sesat selepas baginda mengetahui perkara itu berlaku sejak beberapa tahun lepas tetapi masih ragu-ragu akan kebenarannya.

"Namun sejak beberapa peristiwa yang berlaku kebelakangan ini, beta merasa bimbang akidah umat Islam akan tergugat sedikit demi sedikit disebabkan timbulnya kekeliruan dan terpengaruh dengan dakyah-dakyah yang disampaikan oleh pihak-pihak tertentu," titah baginda.

Perkara seperti ini jika dibiarkan dan tidak dibendung akan merosakkan perkembangan dan pembangunan agama Islam di Selangor, titah baginda.

Sultan Selangor bertitah baginda seringkali mengingatkan supaya setiap program yang diadakan di masjid dan surau di negeri ini dikendalikan oleh mereka yang berkeelayakan dan bertauliah daripada Jais kerana mahu mereka mendapat ilmu pengetahuan berdasarkan kepada sumber-sumber yang sah agar tidak terpesong atau terkeliru.

Baginda juga tidak mahu di suatu hari nanti umat Islam akan berpecah belah akibat perselisihan faham atau perbezaan pengetahuan yang diperolehi dari sumber-sumber yang tidak sah.

Sambil mengingatkan rakyat supaya sentiasa berhati-hati dengan elemen yang menjurus kepada ajaran sesat, baginda mahu mereka supaya jangan cepat terpengaruh dengan ajakan atau umpanan pihak-pihak tertentu yang nampak begitu baik dan ikhlas untuk membantu pada mulanya tetapi mempunyai agenda tersembunyi.

"Setiap ajaran atau ceramah yang didengar haruslah disiasat atau dirujuk kepada sumber-sumber yang dipercayai sebelum diamalkan agar kita semua terpelihara daripada terjebak di dalam ajaran-ajaran yang menyesatkan," titah baginda.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/sultan-selangor-guna-langkah-strategik-tangani-murtad/>